



AINI IDERIS (empat dari kiri) bersama pasukan sukarelawan Putra Bakti selepas melancarkan pasukan itu sempena Majlis Perutusan 100 Hari sebagai Naib Canselor UPM di Serdang, Selangor, semalam. - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI

UPM lancar Putra Bakti fokuskan bantuan kemanusiaan

KUALA LUMPUR 20 April - Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini melancarkan pertubuhan sukarelawan Putra Bakti yang memfokuskan aspek bantuan kemanusiaan dan kepakaran.

Putra Bakti yang merupakan gabungan pertubuhan sukarelawan sedia ada di universiti itu turut terlibat dalam aktiviti bimbingan, kaunseling, kesihatan, alam sekitar, kepenggunaan dan perhutanan.

Naib Canselornya, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata, Putra Bakti merupakan satu penjenamaan dalam menjalankan aktiviti kesukarelaan sebagai platform penting bagi warga universiti bergerak secara bersama dalam memberi sumbangan melalui pemindahan ilmu, kepakaran dan khidmat masyarakat kepada insan yang memerlukan.

"Saya melihat semangat kesukarelaan warga UPM adalah tinggi. Sikap peduli yang sentiasa prihatin dan bergandeng bahu untuk membantu mereka yang tidak bernasib baik merupakan sifat mulia yang perlu dipuji.

"Justeru, saya cadangkan tiga



Saya melihat semangat kesukarelaan warga UPM adalah tinggi. Sikap peduli yang sentiasa prihatin dan bergandeng bahu untuk membantu mereka yang tidak bernasib baik merupakan sifat mulia yang perlu dipuji."

DR. AINI IDERIS
Naib Canselor UPM

pendekatan yang mampu membawa aktiviti kesukarelaan ini ke tahap yang lebih tinggi antaranya berfokuskan multidisiplin, berasaskan pemindahan ilmu dan kepakaran serta berkonsepkan kerjasama," katanya selepas melancarkan Putra Bakti sempena Majlis Perutusan 100 Hari beliau sebagai Naib Canselor UPM, Serdang dekat sini hari ini.

Tujuan utama Putra Bakti ialah

meningkatkan kesedaran tanggungjawab sosial sekali gus meningkatkan kemahiran insaniah dalam kalangan warga universiti yang terdiri daripada ahli akademik dan bukan akademik serta pelajar aktif menyumbangkan bakti dalam misi kemanusiaan di dalam dan luar negara.

Mengulas lanjut, Aini berkata, sebelum ini beberapa aktiviti kesukarelaan sudah dijalankan di dalam kampus dengan majoritinya membabitkan pelajar UPM.

"Mereka adakan program makanan percuma dan kedai percuma kepada semua pelajar tetapi sambutanannya di luar jangkaan kami kerana ramai yang hadir menjayakan program ini dengan memberi sumbangan barang keperluan, barangan terpakai dan makanan.

"Pada tahun lepas, kami turut terlibat memberi bantuan dalam bencana banjir yang melanda di beberapa buah negeri dan ada pelajar kita terlibat dalam Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) yang aktif menyumbang bakti dalam misi kemanusiaan. Jadi, aktiviti yang dijalankan ini amat selari dengan moto UPM iaitu 'Berilmu, Berbakti,'" ujarnya.